

## *Menteri2 sentiasa awasi penyelewengan — Dr M*

**KUALA LUMPUR, Khamis** — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, para Menteri Kabinet sentiasa mengawasi supaya tidak berlaku sebarang penyelewengan kewangan di kementerian masing-masing.

Beliau memberitahu Encik Au How Cheong (BN-Teluk Anson) di Dewan Rakyat hari ini, jika berlaku penyelewengan ia dilaporkan kepada pihak yang berkuasa.

Memang pada keseluruhannya seseorang menteri itu bertanggungjawab atas hal ehwal kementerian-

nya, kata Datuk Seri Dr. Mahathir.

Bagaimanapun, tambahnya, perkara pentadbiran harian adalah dalam jagaan pegawai pengawal.

Ketua-ketua setiausaha dan ketua-ketua jabatan bertanggungjawab menentukan pentadbiran jabatan berjalan dengan teratur, mengikut perintah am dan arahan-arahan yang dikeluarkan dari masa ke masa.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, setiap kementerian mempunyai lembaga tata tertib untuk mengambil tindakan ke atas pegawai yang bersalah dan menyeleweng.